

## Xepa-SP Yakin Hasil Eksport Melonjak

# Xepa-SP yakin hasil eksport melonjak

**X**EPA-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd, sayap pengeluaran Apex Healthcare Bhd (AHB) menjangkakan jualan eksport akan menyumbang sehingga 50 peratus kepada pendapatannya dalam tempoh lima sehingga 10 tahun lagi.

Pengarah eksekutif Xepa-SP, Goh Ser Heng, berkata ia berikutan ranangan syarikat untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran produk farmaseutikal menerusi pembinaan kilang baru bernilai RM26 juta.

"Kilang seluas 6,800 kaki persegi yang akan dibina di Cheng, Melaka itu dapat meningkatkan keupayaan syarikat untuk mengeluarkan rangkaian produk cecair kepada 50 peratus, krim (300 peratus) dan cecair mata (250 peratus).

"Ini sekali gus dapat memenuhi pertumbuhan pesat permintaan di pasaran tempatan dan eksport," katanya di Subang Jaya, semalam.

Ketika ini, Xepa-SP yang juga pengilang luar paten swasta terbesar

tempatan mengeksport 25 peratus daripada produk pengeluarannya ke Singapura, Asia Pasifik, Asia Barat dan Afrika.

Goh berkata, kilang baru itu dijangka memulakan operasinya menjelang Ogos tahun depan.

"Justeru, dalam beberapa tahun ini, kami menjangkakan peningkatan pendapatan tahunan pada kadar purata tujuh hingga lapan peratus manakala keuntungan naik pada kadar purata sembilan sehingga 10 pe-

ratus," katanya.

Beliau menjelaskan daripada pelaburan RM26 juta bagi pembinaan kilang itu RM6 juta akan dibiayai menggunakan dana dalaman, manakala bakinya daripada pinjaman.

Sementara itu, Pengarah Urusan Apex, Dr Kee Kirk Chin, berkata pelaburan Xepa-SP dalam kemudahan baru itu akan meningkatkan sumbangannya kepada keuntungan Kumpulan tetapi enggan mengulas mengenai sasaran sebenar.